



## HOSPITAL RAJA PERMAISURI BAINUN

Di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh inilah bayi berusia lapan bulan dihantar untuk dibedah siasat bagi mengetahui punca kematiannya.

Ada kesan kecederaan pada badan mangsa

# Bayi lapan bulan mati didera ibu kandung

Oleh ASLIZA MUSA

**LUMUT** – Seorang bayi lelaki berusia lapan bulan meninggal dunia dengan kesan kecederaan pada tubuhnya dipercayai didera ibu kandungnya dalam kejadian di Sungai Siput kelmarin.

Ketua Polis Perak, Datuk Mior Faridalathrash Wahid berkata, kejadian malang yang menimpa mangsa terbongkar selepas bayi itu dibawa ibunya ke Hospital Sungai Siput pada awal pagi setelah didapati tidak sedarkan diri.

Menurut beliau, mangsa bagaimanapun disahkan meninggal dunia ketika dalam perjalanan ke hospital tersebut.

Polis menerima maklumat berhubung kejadian itu pada pukul 7.10 pagi.

“Siasatan awal mendapati ada kesan kecederaan pada tubuh mangsa. Mayat bayi itu kemudian dihantar ke Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) Ipoh untuk dibedah siasat,” katanya ketika ditemui pada Lawatan Kerja Ketua Polis Perak ke Pulau Pangkor di sini semalam.

Mior Faridalathrash memberitahu, hasil bedah siasat yang dijalankan di HRPB kelmarin mendapati terdapat beberapa kesan kecederaan akibat objek tumpul pada badan si mati.

Tambah beliau, berikutan ke-

matian bayi itu, ibu mangsa berusia 30 tahun yang bekerja sebagai jururawat ditahan bagi membantu siasatan.

“Siasatan mendapati mangsa yang merupakan anak tunggal tinggal bersama ibunya selepas wanita itu bercerai kira-kira enam bulan lalu.

“Siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengenal pasti sama ada terdapat penglibatan individu lain dalam kes ini,” katanya.

Wanita itu ditahan reman selama tujuh hari bermula semalam bagi membolehkan siasatan lanjut dijalankan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.